



Disediakan oleh:

**LIANG HUNG SHAN**

Ketua Penolong Pengarah, BPPA

# NEWSLETTER

## EVOLUSI IMPORT KATEGORI EKONOMI UMUM (BEC)

### 1 Pengenalan

Klasifikasi mengikut Kategori Ekonomi Umum (BEC) diwujudkan sebagai pengantara untuk menukar data import yang disusun berdasarkan kod komoditi kepada kategori penggunaan akhir yang lebih bermakna dalam konteks Sistem Akaun Negara (SNA) iaitu barang modal, barang perantaraan dan barang penggunaan.

Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir dan BEC dijana berdasarkan import tertangguh iaitu import tolak eksport semula. Angka tersebut boleh menjadi negatif bagi bulan rujukan tertentu jika eksport semula melebihi daripada import.

### 2 Konsep dan definisi

#### Import


Sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ianya dibawa masuk ke dalam negara, sama ada terus disimpan di gudang-gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

#### Eksport Semula

Sesuatu barang dianggap sebagai eksport semula apabila ianya dibawa keluar dari negara dalam keadaan sepertimana ianya diimport tanpa mengalami sebarang perubahan rupa. Proses membungkus semula, menyihir atau menggred tidak dikira sebagai satu proses perubahan rupa.

#### Jumlah import


Jumlah import Malaysia telah meningkat dari RM 79 bilion pada 1990 kepada RM849 bilion pada tahun 2019 iaitu lebih 10 kali ganda. Ini adalah hasil perubahan struktur ekonomi Malaysia di mana ekonomi negara ini mengalami transformasi kepada ekonomi berdasarkan pembuatan pada pertengahan dekad 1980-an yang sebelumnya bergantung terutamanya kepada komoditi huluhan seperti getah dan bijih timah. Banyak barang perantaraan dan modal diimport sebagai input dan modal untuk sektor pembuatan.



1

### 3 Import mengikut Kategori Ekonomi Umum (BEC) dan Penggunaan Akhir

#### Pembahagian Import Mengikut Barang Utama, %



Barangan import utama adalah terdiri daripada barang perantaraan diikuti oleh barang modal dan barang penggunaan.

Bagi tempoh 1990-2019, import barang perantaraan menyumbang lebih 50% kepada jumlah import dan nilai tersebut semakin merosot kebelakangan ini. Ini adalah disebabkan perubahan cara perniagaan di negara ini daripada pembuatan kepada pengedaran dan penyimpanan. Di Kanada, import barang perantaraan adalah tertinggi dari segi pembahagian kepada jumlah import iaitu 47.0% pada tahun 2016 berbanding dengan 57.2% pada tahun 2000.

Bagi tempoh 1990-1997, pembahagian Import barang modal kepada jumlah import adalah dalam selang 18%-21% disebabkan oleh perkembangan ekonomi pesat tapi jatuh kepada selang 11%-16% bagi tempoh 1998-2019 selepas berlakunya krisis kewangan asia pada 1997-1998. Selain itu, pembahagian Import barang penggunaan kepada jumlah import adalah dalam selang 5%-10% bagi tempoh 1990-2019.

Pembahagian import lain-lain kepada jumlah import meningkat mulai tahun 2009 adalah disebabkan oleh eksport semula yang kebanyakannya disumbangkan oleh aktiviti penyimpanan dan pengedaran yang bermula operasi oleh beberapa pemain industri besar mulai tahun 2009. Barang-barangan utama terlibat dalam aktiviti tersebut adalah keluaran petroleum, barang elektrik dan elektronik, tembaga dan nikel.



Barangan Perantaraan




Barangan Modal



Barangan Penggunaan


#### Pembahagian Eksport Semula kepada Jumlah Import, %



Pembahagian eksport semula kepada jumlah import telah meningkat sejak 2009 dan mencapai nilai tertinggi iaitu 22.6% pada 2018.

## Import Barang Perantaraan


**Import Barang Perantaraan, % Pembahagian\***



Pada tahun 2019, import barang perantaraan didominasi oleh bekalan perindustrian, diproses (seperti tembaga bertapis dan tembaga aloi serta emas), bahan api dan pelincir, utama (seperti minyak mentah) dan alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (seperti litar elektronik bersepadu). Barang tersebut menyumbang lebih 78% kepada import barang perantaraan bagi tempoh 1990-2019.

## Import Barang Modal


**Import Barang Modal, % Pembahagian**



Import barang modal pula didominasi oleh barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) yang menyumbang lebih 80% kepada jumlah import barang modal bagi tempoh 1990-2019. Pada tahun 2019, penyumbang terbesar bagi import barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) adalah set telefon dan komputer.

## Import Barang Penggunaan

**Import Barang Penggunaan, % Pembahagian\***



Makanan dan minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (seperti daging dan beras), barangan separa tahan lama (seperti barang plastik) barangan tidak tahan lama (seperti ubat-ubatan) merupakan tiga barangan penggunaan utama yang diimport pada tahun 2019. Ketiga-tiga barangan berkenaan juga merangkumi lebih 68% daripada jumlah import barang penggunaan bagi tempoh 1990-2019.

Nota: \* Tiga produk utama dipilih berdasarkan data 2019

**PENAFIAN:** Artikel dalam *news/letter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *news/letter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.